

Newspaper
Date

Berita Harian
19 March 2016

Rakan Online PM kongsi idea

BH-19/3/2016

Kuala Lumpur: Rakan online Datuk Seri Najib Razak menggunakan peluang bertemu Perdana Menteri untuk berkongsi pelbagai pendapat membabitkan pendidikan, belia, wanita, kekeluargaan dan keusahawanan.

Pada pertemuan dengan Najib kelmarin, mereka memberi pandangan berkaitan sambutan Hari Wanita Sedunia dengan topik perbincangan iaitu Wanita Pemacu Pembangunan Negara.

Mereka berpendapat kerajaan mampu memartabatkan keupayaan wanita dalam kekeluargaan dan pekerjaan, selain membantu golongan usahawan muda dalam kalangan suri rumah.

Pakar motivasi dan mata, Prof Dr Muhaya Mohamad, berkata beliau berkongsi idea menggunakan tagline Malaysia sebuah negara penyayang dan mengamalkan kasih tanpa syarat dalam hidup.

"Saya menekankan supaya kerajaan meningkatkan usaha melahirkan rasa hormat dan kasih

sayang di dalam negara. Selain itu, penting wanita membangunkan diri melalui motivasi secara dalaman dan bukannya motivasi secara luaran," katanya kepada BH, semalam.

Pada Rabu lalu, Najib mengadakan majlis makan malam di Restoran Modern Asian Diner, Setapak di ibu negara bagi meraikan sebahagian rakan online beliau.

Selain Muhaya, pereka fesyen, Fuzana Mokhtaza; ratu gimnastik dan pemenang pingat emas Sukan SEA yang bakal mewakili Malaysia di Sukan Olimpik Rio, Farah Ann Abdul Hadi; penganalisis jenayah, Kamal Affendi Abdul Hashim; pengasas pertubuhan bukan kerajaan Women, Low Ngai Yuen serta EXCO Pembangunan Wanita dan Pemuda Sikh Naujawan Sabha Malaysia, Amreeta Kaur Dhilon, turut bersama Najib pada majlis berkenaan.

Fuzana berkata, beliau mencadangkan kerajaan memperbahyukkan dana usahawan muda



Najib bersama Rakan Online (dari kiri) Kamal Affendi, Amreeta Kaur, Farah Ann, Fuzana, Ngai Yuen dan Dr Muhaya pada majlis makan malam di Setapak, kelmarin. [FOTO IHSAN PM FACEBOOK]

yang merangkumi pelbagai bidang dan aspek.

Peluang untuk belia

"Cadangan itu bagi membolehkan pelbagai peluang terbuka kepada belia dan wanita yang tidak bekerja mempunyai dana dalam memulakan atau mengembangkan perniagaan," katanya.

Amreeta pula, beliau mencadangkan kerajaan mencari kaedah terbaik dalam mengukuhkan

dan menyemarakkan institusi kekeluargaan, sekali gus mewujudkan masyarakat yang harmoni.

"Kerajaan boleh menyediakan beberapa polisi dalam memberi kesedaran dan pendidikan berkaitan institusi kekeluargaan, termasuk suami dalam memastikan keluarga dapat dibina bersama," katanya.

Farah Ann berkata, kerajaan boleh memartabatkan wanita dengan mewujudkan keseimbangan

kekeluargaan dan pekerjaan melalui inisiatif yang difikirkan terbaik.

"Kekeluargaan amat penting bagi wanita tetapi tanpa pembabitkan keluarga, terutama suami dalam membina keluarga, ia sukar.

"Namun, inisiatif yang mungkin boleh disediakan kerajaan maka ia dapat merealisasikan usaha memartabatkan wanita," katanya.